

RISALAH PEMBERITAHUAN PRODUK

Pelanggan Yang Dihormati,

Risalah Pemberitahuan Produk (PDS) ini bertujuan untuk memberikan anda maklumat yang penting mengenai insurans pecah masuk anda.

Pelanggan-pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga harus membacanya.**

Maklumat yang terkandung di dalam Risalah Pemberitahuan Produk ini adalah sah dari 1 Januari 2026.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi The Pacific Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Apakah Insurans Pecah Masuk?

Polisi Insurans Pecah Masuk menyediakan perlindungan insurans terhadap kerugian akibat kecurian harta anda.

Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, premis hotel dengan jumlah diinsurans sebanyak RM500,000.00, anda akan mendapat perlindungan berikut dengan bayaran sebanyak RM2,500.00 setiap tahun (tertakluk kepada Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem):

Polisi ini melindungi:	Polisi ini mengecualikan:
<ul style="list-style-type: none">• Polisi ini meliputi kerugian atau kerosakan harta diinsuranskan semasa di dalam premis perniagaan atau perdagangan yang timbul akibat:<ul style="list-style-type: none">• Kecurian akibat menerobos masuk atau pecah masuk ke dalam dan/atau keluar dari premis.• Kerosakan bangunan akibat kecurian atau sebarang percubaan yang berlaku yang ditanggung oleh anda dengan cara keganasan dan paksa ke dalam dan/atau keluar dari premis• Premis yang disebutkan dalam jadual tidak akan termasuk sebarang halaman, kebun, bangunan luar yang berasingan atau perlengkapan-perengkapan lain, kecuali jika ditetapkan agar ia termasuk dalam jadual.• Anda boleh menginsuranskan harta anda berasaskan dasar Nilai Penuh atau Kerugian Pertama:<ul style="list-style-type: none">• Polisi Nilai Penuh Dasar ini diambil apabila wujudnya kemungkinan keseluruhan harta yang diinsuranskan akan dicuri pada mana-mana satu masa. Anda hendaklah memastikan jumlah diinsuranskan adalah mencukupi kerana insurans tersebut adalah tertakluk kepada Fasal Purata yang mana anda tidak akan ditanggung rugi sepenuhnya pada waktu kerugian jika harta tersebut adalah diinsuranskan di bawah nilainya. Jumlah diinsuranskan yang betul adalah apa yang anda anggap paling tinggi nilainya yang berisiko pada mana mana satu masa.• Polisi Kerugian Pertama Dasar ini diambil jika adalah tidak mungkin keseluruhan harta diinsuranskan akan dicuri pada masa yang sama.	<ul style="list-style-type: none">• Kehilangan atau kerosakan yang mana-mana ahli keluarga, staf perniagaan (sama ada pekerja bergaji atau atas komisen, atau sebagai orang gaji sambilan), atau pembantu rumah Orang Yang Diinsurans atau sesiapa secara sah berada di premis, dikaitkan sebagai prinsipal atau tambahan.• Sebarang jenis Kerugian Turutun apa saja.• Sebarang jenis kebakaran atau letupan apa saja• Gempa bumi (sama ada dari operasi melombong atau sebaliknya), letusan gunung berapi, atau konvulsi alam semula jadi lain.• Taufan, hurikan, puting beliung, siklon, atau gangguan atmosfera yang lain.• Peperangan, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi ketenteraan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak) atau perang saudara.• Dahagi, rusuhan, kebangkitan tentera atau orang ramai, insureksi, pemberontakan, revolusi, rampasan kuasa tentera, pemerintahan tentera atau keadaan pengepungan atau mana-mana peristiwa atau sebab-sebab yang menentukan pengisytiharan atau pengkalan pemerintahan tentera atau keadaan pengepungan, atau penjarahan, rampasan atau rompakan, berkenaan dengannya, atau sabotaj• Penyitaan, pemilikan negara, pengambilan atau pemusnahan yang disengajakan oleh mana-mana Pihak Berkuasa Kerajaan, Perbandaran Awam, Tempatan atau Kastam. <p><i>Nota: Senarai ini tidak lengkap. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh pengecualian..</i></p>

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai insurans Pecah Masuk, anda boleh:



Hubungi kami di
+603-2633 8999



Lawati laman sesawang kami di:
The Pacific Insurance Berhad



E-mel kami di:
customerservice@pacificinsurance.com.my

Ketahui Kewajipan Anda

Bagi insurans ini, anda dikehendaki membayar premium sebanyak:

Perlindungan Standard	RM2,500.00 setiap tahun
Jumlah premium yang anda perlu bayar ialah RM2,500.00 .	

Anda juga dikehendaki membayar kos dan caj berikut:

Duti Setem	RM10.00 (layak mendapat pengecualian sehingga 31 Disember 2028 dengan syarat jika pemegang polisi adalah seorang individu, dan premium kasar tahunan tidak melebihi RM150; atau ialah MSME dengan syarat sijil MSME yang sah mesti diserahkan, dan premium kasar tahunan tidak melebihi RM250)
Komisen	25% daripada premium atau RM625.00 (termasuk dalam jumlah premium)
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium atau RM200.00

Terma-terma penting yang lain

- Anda hendaklah mengambil segala langkah pencegahan yang biasa dan munasabah untuk menghalang kejadian pecah masuk.
- Kegagalan untuk membayar premium dalam tempoh ini, kontrak ini akan terbatal secara automatik dan The Pacific Insurance Berhad berhak kepada premium secara kadar pro rata pada tempoh anda berisiko
- Kecuali stok, anda boleh menginsuranskan harta anda berasaskan dasar Nilai Pasaran atau Nilai Penggantian:
 - a) **Dasar Nilai Pasaran** – pihak kami akan membayar kos pembaikan ke atas harta yang hilang atau rosak setelah ditolak amaun susut nilai.
 - b) **Nilai Penggantian** – pihak kami akan mengembalikan semula membaiki atau mengganti harta yang hilang atau rosak tanpa menolak susut nilai, dengan syarat jumlah perlindungan adalah mencukupi untuk menampung jumlah kos penggantian harta anda.
- Sekiranya jumlah diinsuranskan dalam polisi anda adalah kurang daripada nilai sebenar pada waktu kerugian berlaku (contohnya insurans berkurangan), anda dianggap harus menanggung sendiri terhadap perbezaannya.
- Lebihan, sebagai amaun yang harus anda tanggung sendiri sebelum pihak kami menanggung rugi anda.
- Premium mesti dibayar dan diterima oleh kami dalam masa 60 hari dari hari perlindungan bermula, jika tidak perlindungan ini adalah dibatalkan secara automatik dan anda masih bertanggungjawab bagi premium pro rata pada tempoh hari-hari yang kami masih menanggung risiko.
- Anda dikehendaki mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan dan apa-apa perkara seorang yang munasabah dalam keadaan itu boleh dijangka tahu sebagai berkaitan
- Anda mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.
- Tempoh perlindungan adalah untuk satu tahun. Anda perlu memperbaharui insurans Polisi anda setiap tahun.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberi notis bertulis kepada The Pacific Insurance Berhad tanpa sebarang tuntutan yang timbul semasa tempoh insurans semasa. Walau bagaimanapun, bayaran balik premium tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan dalam polisi ini.

Jika anda mempunyai sebarang aduan, sila hubungi kami di:

Unit Pengawasan Aduan

40-01, Q Sentral, 2A Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia.

(P.O. Box 12490, 50780 Kuala Lumpur, Malaysia.)

Tel: +603-2633 8999 Faks: +603-2633 8998 Emel: customerservice@pacificinsurance.com.my

Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan maklum balas kami, anda boleh menghubungi pihak berikut:

(a) **Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (BNMLINK) Bank Negara Malaysia**

Tingkat 4, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur

Tel: 1-300-88-5465 Faks: +603-2174 1515 Borang Sesawang: bnm.gov.my/BNMLINK

(b) **Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS)**

Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur

Tel: +603-2272 2811 Laman Sesawang: www.fmos.org.my